



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

B E L A N J A W A N

2021

KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI



BELANJAWAN 2021

**KESEJAHTERAAN
RAKYAT**
(Rakyat's Prosperity)

**KELANGSUNGAN
PERNIAGAAN**
(Business Continuity)

**KETAHANAN
EKONOMI**
(Economic Resilience)

#Belanjawan2021 #Budget2021

P E N G E N A L A N

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyambut baik dan menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan atas pengumuman peruntukan RM935,421,200 kepada MOSTI untuk tahun 2021 melibatkan RM510,195,600 perbelanjaan mengurus dan RM425,225,600 bagi perbelanjaan pembangunan.

Belanjawan 2021 kali ini mengutamakan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat secara inklusif, termasuklah dalam hal persediaan akses mendapatkan vaksin COVID-19 yang selamat dan berkesan dengan segera apabila ia sedia di pasaran kelak, selain untuk program pembangunan vaksin dan kepakaran dalam negara. Belanjawan bersifat pemulihan akibat pandemik COVID-19 ini dilihat mampu memantapkan pembangunan sosioekonomi masyarakat yang terkesan sepanjang tahun ini.

Selain itu, Belanjawan 2021 juga membolehkan MOSTI untuk terus komited melonjakkan peranan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) dalam negara serta bagi merancakkan aktiviti penciptaan dan pembangunan teknologi tempatan.

Pada masa yang sama Belanjawan 2021 juga menumpukan usaha mentransformasikan negara ke arah berteknologi tinggi melalui pendekatan strategik automasi dan pendigitalan yang merupakan teras bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.

VAKSIN

Komitmen Kerajaan dengan peruntukan melebihi RM3 bilion bagi membolehkan Malaysia memperoleh, membangunkan vaksin dan kepakaran dalam negara. Ini bagi memastikan jaminan akses bekalan vaksin COVID-19 dapat diperoleh dengan kadar segera, selamat dan sempurna.



IMPAK

- ▶ Mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap lebih 260,000 ribu kakitangan sektor kesihatan (*frontliners*)
- ▶ Perolehan vaksin bagi melindungi 70% rakyat Malaysia
- ▶ Mewujudkan peluang pekerjaan kepada 550 orang
- ▶ Dijangka mendapat penjimatan 0.2% perbelanjaan negara melalui pengurangan kos import vaksin

MALAYSIA TECHLYMPICS & SCIENCE SPACE

MOSTI akan melaksanakan *Malaysia Techlympics* dan *Science Space* dengan peruntukan sebanyak RM20 juta dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan robotik dalam kalangan belia. Inisiatif ini dijangka mampu menyemarakkan minat masyarakat dalam STIE serta memupuk pemikiran saintifik bagi mengaplikasikan pelbagai teknologi baharu yang bakal mengubah gaya hidup di masa hadapan.

I M P A K

MALAYSIA TECHLYMPICS

- ▶ Melibatkan 3 segmen pertandingan seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Drone Technology* dan *Game Development* dan *Coding & Robotics*
- ▶ Melibatkan penyertaan pelajar-pelajar sekolah, mahasiswa IPT dan komuniti dari seluruh Malaysia
- ▶ Dijangka mampu menghasilkan 144 produk inovasi yang berjaya

SCIENCE SPACE

- ▶ 5 *Science Space/Ruang Reka* akan dibangunkan
- ▶ 25 ke 30 syarikat dan 250 PKS akan mendapat faedah melalui pemadanan pusat inovasi untuk membangunkan idea
- ▶ Meningkatkan tahap kemahiran di kalangan 8000– 10000 pelajar

PERUSAHAAN SOSIAL

Program Pembangunan Perusahaan Sosial akan dilaksanakan dengan peruntukan RM20 juta kepada Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC). Inisiatif ini dilaksanakan untuk memperkasa peranan perusahaan sosial dan menyokong keusahawanan sosial dalam menyelesaikan isu dan cabaran sosial serta alam sekitar bagi memajukan pembangunan sosioekonomi negara.

Dengan inisiatif ini, perusahaan sosial boleh membekal barang dan perkhidmatan dengan jumlah keseluruhan sehingga RM20 juta setahun. Ini bukan sahaja akan membantu ke arah mengarusperdanakan perusahaan sosial tetapi juga menyokong solusi keluaran tempatan.

IMPAK

- ▶ 40 penyelesaian dibangunkan bagi menangani cabaran sosial/alam sekitar
- ▶ Menjana peluang pekerjaan baru di kalangan komuniti setempat sehingga 2 kali pendapatan asal
- ▶ 100 peluang pekerjaan tenaga kerja mahir baru ditawarkan dengan penglibatan sokongan pelbagai sektor ekonomi

PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN EKSPERIMENTAL

MOSTI mendokong usaha perkembangan sains dan teknologi melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) dengan peruntukan melebihi RM158 juta dengan tumpuan diberikan kepada penyelidikan pembangunan eksperimental. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 – 2030 telah mengenal pasti 10 Pemacu Sosioekonomi dan 10 Pemacu Teknologi bagi menetapkan bidang keutamaan dalam penyelidikan pembangunan eksperimental.

IMPAK

- ▶ Menggalakkan penyertaan penyelidik dan teknopreneur dalam pengkomersialan teknologi tempatan
- ▶ Meningkatkan pengkomersialan hasil R&D dan penggalakan penyelidikan
- ▶ Perkongsian kemahiran dan pemindahan teknologi
- ▶ Peningkatan kualiti hidup rakyat dengan penyelesaian masalah melalui STI

GALAKAN CUKAI

Bagi mewujudkan ekosistem penyelidikan yang lebih kompetitif, galakan cukai bagi aktiviti pengkomersialan hasil R&D berasaskan bukan sumber akan diperkenalkan semula dan galakan cukai bagi aktiviti pengkomersialan hasil R&D oleh institusi penyelidikan awam.

IMPAK



- Menggalakkan lebih banyak syarikat pemula (*start ups*) terlibat dengan aktiviti R&D

BELANJAWAN



MOSTI PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

2020

↑
4.2%

2021

RM 897,639,900

RM 935,421,200



VAKSIN
COVID-19

melebih RM 3 BILION

MALAYSIA
TECHLYMPICS &
SCIENCE SPACE

RM 20 JUTA



PERUSAHAAN
SOSIAL

RM 20 JUTA



PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN
EKSPERIMENTAL

melebih RM 158 JUTA



GALAKAN CUKAI
(Pengkomersialan Hasil R&D)

BELANJAWAN 2021

KESEJAHTERAAN
RAKYAT
(Rakyat's Prosperity)

KELANGSUNGAN
PERNIAGAAN
(Business Continuity)

KETAHANAN
EKONOMI
(Economic Resillience)

#Belanjawan2021 #Budget2021

P E N U T U P

Belanjawan ini merupakan komitmen Kerajaan yang memberi peluang kepada MOSTI untuk melaksanakan lebih banyak program dan aktiviti bagi memacu ekonomi negara memasuki fasa pembangunan seterusnya.

Program-program berimpak tinggi seperti National Technology Innovation Sandbox (NTIS), MYHackathon, pemerksaan ekosistem angkasa tempatan dalam *space economy*, membudayakan sains dari peringkat awal dan memperkasa bakat STI untuk terlibat secara langsung dalam penyelidikan dan pembangunan, akan diteruskan untuk memberi impak menyeluruh kepada rakyat.

Melalui keseluruhan peruntukan Belanjawan 2021, MOSTI akan terus membawa dasar, hala tuju serta masa depan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berteknologi tinggi.



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



www.mosti.gov.my



@officialmosti